

KENYATAAN AKHBAR

CIDB METERAI MOU MYCESSM DENGAN 8 ORGANISASI

Kuala Lumpur, 27 Ogos: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) "Kerjasama Untuk Memajukan Penggunaan Malaysian Civil Engineering Standard Method Of Measurement (MyCESMM) Dalam Perolehan Projek-Projek Kejuruteraan Awam" dengan 8 (lapan) organisasi di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Organisasi berkenaan ialah :

- I. Jabatan Kerja Raya (JKR), Malaysia
- II. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),
- III. Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
- IV. PLUS Malaysia Berhad (PLUS),
- V. Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA),
- VI. Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp),
- VII. Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan;
- VIII. Gamuda Berhad .

Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob dan Pengurus CIDB, Ybhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Bin Ali.

Menerusi MoU ini, CIDB berharap para penggiat industri akan berterusan menggunakan MyCESMM ke arah meningkatkan lagi profesionalisme industri pembinaan.

Bagi memastikan rakan-rakan kolaborasi menggunakan MyCESMM dengan lancar, CIDB telah mengadakan latihan “train-the-trainer” untuk 38 Jurutera Sivil dan Juruukur Bahan dan mereka akan menerima sijil MyCESMM TRAINER pada majlis sama hari ini.

Selain itu, bersempena dengan majlis menandatangani MoU ini, CIDB turut mengadakan satu seminar yang menampilkan dua penceramah berpengalaman iaitu Datuk Ir. Mohd. Adnan Mohd Nor, seorang Jurutera Perunding Profesional dan Sr. Jailani Jasmani, seorang Juruukur Bahan Profesional. Mereka memberi penjelasan lanjut mengenai penggunaan MYCESSM kepada para peserta.

Pada 2013 dan 2014, sebanyak 11 organisasi di Sabah dan Sarawak telah menandatangani MOU dengan CIDB untuk mempromosi dan menggunakan MyCESMM dalam pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam. CIDB juga melatih 200 orang profesional daripada organisasi-organisasi berkenaan selain mengadakan beberapa seminar bagi meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan MyCESMM kepada para penggiat industri.

MyCESMM adalah kaedah pengukuran standard yang dapat mengelakkan atau dapat mengurangkan tuntutan atau pertikaian kontrak yang berpotensi wujud disebabkan kekaburuan dan percanggahan di dalam Senarai Kuantiti.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail noryani@cidb.gov.my 03-40477027 / 019-2856867

Abdul Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 03-40477262 / 0126200360